

05/03/1998

Selangor patuhi keputusan mesyuarat

SHAH ALAM, Rabu - Badan Perhubungan Umno Selangor tidak akan menarik balik larangan semua ketua bahagian di negeri ini, tidak boleh dicabar oleh mana-mana pemimpin atau ahli, walaupun penyandang jawatan itu bukan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno pada pemilihan peringkat bahagian, minggu depan.

Pengerusinya, Datuk Abu Hassan Omar, berkata apa yang diputuskan pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno Selangor pada 7 Disember lalu bahawa pemilihan jawatan ketua bahagian di negeri ini, kecuali bahagian Hulu Selangor, tidak dipertandingkan akan dikekalkan.

"Keputusan itu kekal dan mana-mana pemimpin atau ahli perlu mematuhi kerana apa yang dilaksanakan oleh Badan Perhubungan Umno Selangor selaras seperti diputuskan oleh MT," katanya selepas mempengerusi mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya akur dengan keputusan MT yang menetapkan semua ahli MT yang memegang jawatan ketua bahagian tidak boleh dicabar dalam pemilihan parti yang bermula minggu depan sebagai usaha meredakan perebutan jawatan itu.

"Kita juga akur keputusan MT yang menetapkan ahli MT yang tidak memegang jawatan itu pula tidak boleh mencabar penyandang ketua bahagian.

"Walaupun MT tidak melarang mana-mana pemimpin atau ahli untuk mencabar ketua bahagian yang tidak memegang jawatan ahli MT, Badan Perhubungan Umno akan meneruskan larangan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas sama ada Badan Perhubungan Umno Selangor akan menarik balik keputusan melarang ahli Umno mencabar ketua bahagian yang tidak menyandang ahli MT kerana ia bukan larangan yang ditetapkan MT.

Isnin lalu, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata semua ahli MT yang memegang jawatan ketua bahagian tidak boleh dicabar dalam pemilihan parti yang bermula minggu depan.

(END)